

17 APR 2002

TUDM-Sukhoi

TUDM SELESAI BUAT PENILAIAN TERPERINCI TERHADAP SUKHOI SU-30MK

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Pasukan penilai Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah selesai menjalankan kajian terhadap pesawat pejuang Sukhoi SU-30MK buatan Rusia, kata Panglima TUDM Jen Datuk Seri Suleiman Mahmud.

Menurutnya, laporan pasukan penilai TUDM mengenai SU-30MK itu telah diserahkan kepada kerajaan dan kini terpulang kepada pihak atasan negara untuk membuat keputusan sama ada membelinya atau tidak.

"Pasukan penilai telah selesai menjalankan kajian dan laporannya telah diserahkan. Kini terpulanglah kepada kerajaan dan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) untuk membuat keputusan," katanya kepada pemberita selepas melancar sistem ILMU dan laman web perpustakaan Kementerian Pertahanan hari ini.

Awal tahun ini, TUDM menghantar dua pasukan penilai ke Amerika Syarikat dan Rusia untuk menjalankan kajian terhadap kemampuan pesawat-pesawat Sukhoi SU-30MK dan Super Hornet FA-18 E/F buatan Boeing.

Bagaimanapun menurut Suleiman, kajian terhadap pesawat Super Hornet itu belum lagi selesai dijalankan oleh pasukan penilai TUDM itu.

Semasa lawatannya ke Rusia baru-baru ini, Perdana Menteri dan delegasi negara telah dibawa melihat kemampuan pesawat pejuang buatan Rusia yang boleh diperlengkapkan dengan pelbagai jenis senjata dan peluru berpandu.

Suleiman juga berkata, 10 buah helikopter utiliti Mil-17 buatan Rusia yang bakal dimiliki oleh negara tidak lama lagi itu akan dioperasikan oleh Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD).

Bagaimanapun menurutnya, buat permulaan juruterbang TUDM akan dipinjamkan kepada PUTD bagi mengendalikan helikopter Mil-17 itu memandangkan PUTD tidak memiliki kepakaran seumpama itu.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini mengumumkan bahawa kerajaan telah bersetuju untuk memperolehi 10 buah helikopter utiliti itu dari Rusia.

Rundingan bagi kontrak pembelian serta penentuan spesifikasi akan dimulakan tidak lama lagi.

-- BERNAMA

MHI AHH NMO